

27/06/2000

Penculik wajar bebas semua tebusan

Kadir Dikoh

KUALA LUMPUR, Isnin - Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad menyambut baik pembebasan seorang tebusan Malaysia yang ditahan penculik di selatan Filipina dan berharap kumpulan itu akan membebaskan lapan lagi rakyat negara ini dan warga negara lain yang masih ditahan.

Perdana Menteri berkata, masyarakat antarabangsa akan menganggap kumpulan bersenjata di Selatan Filipina sebagai pengganas yang tidak mempunyai prinsip selagi mereka terus menahan tebusan berkenaan di Pulau Jolo.

Beliau berkata, jika semua tahanan dibebaskan, ia akan memberi kesan baik kepada perjuangan kumpulan berkenaan.

"Saya amat berharap kumpulan itu akan membebaskan semua rakyat Malaysia dan warga negara lain yang masih ditahan. Jika tidak, dunia akan mempunyai pandangan bahawa mereka merupakan kumpulan pengganas yang tidak mempunyai prinsip. Jika kumpulan itu terus menahan mereka, perbuatan itu akan menjejaskan kepentingan kumpulan itu sendiri.

"Mereka sudah mencapai, saya fikir, apa yang mereka ingin capai iaitu untuk mendapatkan perhatian terhadap perjuangan mereka," katanya pada sidang akhbar di Lapangan Terbang Sultan Abdul Aziz Shah di sini hari ini, sekembalinya dari Mesir setelah menghadiri sidang kemuncak G15.

Dr Mahathir berkata demikian ketika mengulas pembebasan Zulkarnain Hashim, 29, kakitangan Jabatan Hidupan Liar Sabah yang diculik bersama lapan lagi rakyat Malaysia dan 12 warga negara lain dari Pulau Sipadan pada 23 April lalu.

Menjawab soalan, Perdana Menteri berkata Malaysia perlu memaklumkan mengenai kejadian penculikan itu kepada Persidangan Pertubuhan Islam (OIC), yang akan mengadakan mesyuarat peringkat menteri luarnya di sini mulai esok.

Ditanya apa yang akan dilakukan OIC untuk menyelesaikan perkara itu, Dr Mahathir berkata beliau belum tahu lagi.

Mengenai kemungkinan Malaysia akan meminta OIC memujuk dan memaksa kumpulan bersenjata itu membebaskan tebusan yang masih ditahan, Perdana Menteri berkata: "Kita belum tahu lagi. Kita tidak mempunyai sebarang rancangan tertentu kecuali memaklumkan kepada OIC."

Katanya, beliau juga tidak tahu menahu mengenai dakwaan tuntutan baru kumpulan itu bagi mendapatkan wang tebusan.

"Tetapi sebagai kerajaan, kita tidak bayar wang tebusan," katanya.

(END)